

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	17 May 2015

Veteran UMNO minta Dr M henti siri jelajah

BH-17/5/2015

Kuala Lumpur: Veteran UMNO merayu supaya pertelingkahan antara bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Noyib Razak dihentikan segera kerana ia dilihat merugikan parti itu dan orang Melayu.

Oleh itu, Dr Mahathir diminta supaya menghentikan siri jelajahnya bagi menjelaskan isu Malaysia Development Berhad (IMDB),

“ Dr Mahathir sepatutnya mengguna saluran dalam UMNO seperti berjumpa dengan Ahli Majlis Tertinggi (MT) bagi menerangkan ketidakpuasan hatinya terhadap cara Perdana Menteri mentadbir dan dibincangkan dalam mesyuarat MT”

Mustapha Yaakub,
Setiausaha Veteran
UMNO

sebaliknya ketidakpuasan hati bekas pemimpin itu terhadap kepimpinan Perdana Menteri seharusnya diselesaikan melalui saluran dalam UMNO.

Setiausaha Veteran UMNO, Datuk Mustapha Yaakub, berkata sekiranya tiada jalan keluar bagi menyelesaikan pertelingkahan itu, Dr Mahathir dan Noyib perlu melantik orang tengah bagi mencari jalan perdamaian.

“Dr Mahathir sepatutnya mengguna saluran dalam UMNO seperti berjumpa dengan Ahli Majlis Tertinggi (MT) bagi menerangkan ketidakpuasan hatinya terhadap cara Perdana Menteri mentadbir dan

bincangkan dalam mesyuarat MT.

Lantik orang tengah

Sekiranya tidak ada jalan keluar lagi, ma-

mimpin ini melantik orang tengah yang boleh diterima oleh kedua-dua pihak untuk menjadi perantara bagi mencapai perdamaian.

“Antara nama-nama yang boleh dipertimbangkan ialah (Yang di-Pertua Negeri Melaka) Tun Khalil Yaakub yang juga bekas Setiausaha Agung UMNO,” katanya ketika dihubungi BH, di sini semalam.

Sebelum ini pada sambutan ulang tahun ke-69 parti itu, Veteran UMNO menyatakan ikrar taat setia tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan Najib untuk terus mengemudi parti walaupun menerima tekanan pelbagai pihak.

Sokongan itu disuarakan Pengerusinya, Tan Sri Tigol Rosli Ghazali yang syifatkan veteran UMNO sayangkan parti dan tidak rela ia berkubur, lebih-lebih ketika diserang dari pelbagai sudut.

Sementara itu Mustafa berkata, Dr Mahathir seharusnya berfikir panjang sebelum mengambil tindakan menyerang kepimpinan UMNO secara terbuka kerana bimbang apa yang dibina selama ini akan hilang begitu saja disebabkan pertelingkahan sesama sendiri.